

Daripada : Unit Rekod, Peperiksaan & Penerbitan
Kepada : Pensyarah UiTM Cawangan Pulau Pinang
Tarikh : 7 Januari 2025
No. Memo : HEA/2025 – 004(01)
Perkara : Pemakluman Pemarkahan Penilaian Berterusan Kepada Pelajar

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Polisi Pentaksiran & Penilaian Akademik UiTM Pindaan 2021, Perkara 5.2 berkenaan Pencapaian Penilaian Berterusan dirujuk.

1. Markah penilaian berterusan **MESTILAH** dimaklumkan kepada pelajar bagi tujuan penambahbaikan prestasi **KECUALI** bagi:
 - 1.1 kursus yang bergred lulus/gagal
 - 1.2 kursus yang mempunyai 100% penilaian akhir; atau
 - 1.3 bahagian akhir penilaian bagi kursus yang mempunyai 100% penilaian berterusan.
2. Bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir, semua pemarkahan penilaian berterusan **MESTILAH** dimaklumkan kepada pelajar pada **minggu ke – 13 atau 14** (kecuali kursus yang melibatkan projek akhir/exegesis/disertasi/tesis).
3. Bagi kursus yang tidak mempunyai peperiksaan akhir, 30% – 70% markah penilaian berterusan **PERLU** dimaklumkan kepada pelajar **sebelum minggu ke – 14 tamat**.

Oleh yang demikian, pensyarah diminta untuk mengambil tindakan pemakluman kepada pelajar berdasarkan panduan yang ditetapkan di atas. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan Unit Rekod, Peperiksaan & Penerbitan menerusi emel resexam@uitm.edu.my.

Sekian.



PROF. MADYA Ir. Ts. Dr. HAJAH SITI NORAINI SULAIMAN
Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik)

MUKA SURAT 1/1